

14/09/1998

Anwar mungkin dibicara secara terbuka

KUALA LUMPUR, Ahad - Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yakin Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak akan ditangkap mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) berikutan pelucutan jawatannya dalam Kabinet dan pemecatannya sebagai ahli Umno.

Sebaliknya, beliau berkata, Anwar akan dibicarakan secara terbuka di mahkamah untuk menegakkan keadilan berasaskan kedaulatan undang-undang negara.

"Saya percaya tidak ada tangkapan dibuat di bawah ISA, tetapi perbicaraan akan dijalankan di mahkamah secara terbuka," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan penerangan kepada pemimpin Umno Wilayah Persekutuan, di sini hari ini.

Abdullah yang juga Menteri Luar percaya tindakan Anwar, terutama sejak kebelakangan ini bukan lagi bertujuan membersihkan diri, tetapi lebih tertumpu kepada usaha memesongkan perhatian rakyat terhadap isu sebenar yang berlaku.

"Apa yang saya lihat, ceramah dan penerangan diberi bertujuan memesong dan mengalihkan perhatian rakyat daripada kes beliau yang sebenar.

"Saya percaya selepas perbicaraan di mahkamah dijalankan, orang ramai terutama penyokong beliau akan percaya perkara sebenar yang berlaku seperti yang dikatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

(END)